

Publication: Berita Harian , p 25

Date: 16 December 2016

Headline: Goh and Yip will continue to compete after success at Rio Paralympic



SUKAN PARALIMPIK

Rio 2016 Paralympic Games

Athletes' Achievement Awards & Appreciation Dinner

December 20

Goh dan Yip akan terus bertanding lepas kejayaan di Paralimpik Rio

TERDAPAT keraguan adakah mereka akan terus bersaing selepas mencapai kejayaan di Paralimpik Rio de Janeiro.

Keraguan itu, bagaimanapun, terjawab malam kelmarin apabila Theresa Goh dan Yip Pin Xiu mendedahkan bahawa mereka akan terus berenang secara kompetitif bagi sekurang-kurangnya dua tahun lagi sehingga 2018 Sukan Para Asia.

Yip, 24 tahun, juga mengesahkan bahawa sebaik sahaja beliau selesai pengajian penggal terakhir di Universiti Pengurusan Singapura (SMU) tahun depan, beliau akan berlatih sepenuh masa.

Beliau berkata beliau benar-benar dapat merasakan perbezaan antara semasa berusia 16 tahun dengan sekarang.

"Semasa saya berusia 16 tahun, saya mempunyai lebih banyak tenaga dan saya boleh ke sekolah dari sesi latihan dan kembali ke sesi latihan tanpa banyak rehat.

"Tetapi sekarang, saya perlu masukkan lebih banyak masa berehat dan pulih (daripada pertandingan dan sesi latihan).

"Dan jika saya tidak mempunyai rehat yang mencukupi, saya tidak akan mempunyai banyak tenaga agar dapat bersaing sebagai atlit elit yang baik dan kekal pada tahap itu.

"Selain daripada sesi latihan di kolam renang, saya perlu berjumpa pakar fisioterapi dan pakar pemakanan juga. Semua ini mengambil banyak masa jadi saya perlu laksanakan sepenuh masa," kata Yip.

Goh, 29 tahun, pula menambah: "Saya rasa seperti mempunyai begitu banyak pilihan tetapi saya tidak pasti adakah ia masanya untuk berhenti sekarang.

"Saya rasa masih dapat memberikan 100 peratus."

Sementara pasangan itu belum membuat sebarang keputusan adakah mereka akan cuba melayakkan diri bagi Paralimpik Tokyo 2020,

pencapaian mereka di Rio pada September lalu diraikan malam kelmarin dalam majlis Anugerah Pencapaian Atlit (AAA) di Suntec City.

Yip dianugerahkan \$400,000 – \$200,000 bagi setiap pingat emas – bagi kemenangannya dalam acara 50m dan 100m kuak lentang S2. Beliau juga memecahkan dua rekod dunia.

Goh menerima \$50,000 kerana meraih pingat Paralimpik pertamanya – gangsa dalam acara 100m kuak dada SB4 – dalam pertandingan keempatnya.

AAA dibiayai oleh Lembaga Tote.

Bagi atlit para, anugerah kewangan yang mereka terima, 20 peratus daripadanya akan diberikan semula kepada Majlis Sukan Golongan Kurang Upaya Singapura (SDSC) untuk digunakan bagi membangunkan generasi atlit para akan datang. Ini merupakan satu pengiktirafan kepada peningkatan sokongan yang mereka terima dalam perjalanan sukan mereka.

Goh dan Yip menerima cek mereka di hadapan hampir 100 tetamu.

Antara yang hadir pada majlis itu ialah Menteri Kebudayaan, Masyarakat dan Belia, Cik Grace Fu, rakan atlit Paralimpik 2016 serta penaja.

Yip berkata: "Sepanjang perjalanan kami, selain daripada pencapaian kami, satu perkara yang menjadi penghormatan adalah menjadi sebahagian daripada gerakan Paralimpik di Singapura dengan lebih ramai orang mengenali dan melihat nilainya."

Goh menambah: "Ia satu perkara yang baik menyaksikan pertumbuhan sukan para di Singapura – daripada tidak dianggap sukan sebenar pada mulanya kepada menjadi sesuatu yang setanding dengan atlit berupaya – sesuatu yang membanggakan." – The Straits Times.

PENCAPAIAN DIKTRIF: Atlit para Yip Pin Xiu (kanan) dan Theresa Goh senyum lebar sambil memegang cek yang dianugerahkan kepada mereka atas pencapaian dalam Paralimpik Rio 2016. – Foto THE STRAITS TIMES